

Cari jalan banteras budaya pengotor

Saya sebagai pengguna tandas awam berasa amat kesal dengan tahap kebersihannya.

Walaupun pengguna terpaksa membayar ketika menggunakan tandas awam, kebersihannya masih terabai. Memang ada tandas awam yang bagus tahap kebersihannya tapi masih banyak lagi yang belum memuaskan hati.

Ambil inisiatif jaga kebersihan

Bagaimanapun, kita tidak boleh menyalahkan pihak pengurusan sahaja, sebaliknya pengguna juga perlu bertanggungjawab dan mengambil inisiatif untuk menjaga kebersihannya.

Tandas awam yang kotor membuktikan sikap segelintir rakyat Malaysia yang belum mencapai tahap yang memuaskan dalam soal menjaga kebersihan.

Tahap kebersihan tandas awam sering menjadi rungutan dalam kalangan pengguna sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan Kempen Kebersihan Tandas di

seluruh negara. Hal ini menunjukkan sikap rakyat yang masih tidak mengambil berat kebersihan.

Walaupun pelbagai kempen dijalankan, masalah ini masih berlarutan. Perbuatan individu yang tidak bertanggungjawab dengan membiarkan tandas dalam keadaan kotor serta tidak dipam selepas digunakan memburukkan lagi keadaan. Sebagai pengguna yang bertanggungjawab, kita hendaklah memastikan tandas yang kita gunakan itu bersih.

Selain itu, sikap segelintir pengguna yang merokok dan membuang habuk dan puntung rokok di merata-rata tempat di dalam tandas mengotorkan lagi keadaan.

Contengan berbau lucah

Apa yang lebih menyakitkan mata dan hati ialah apabila terdapat pelbagai contengan, tulisan dan lukisan berbau lucah yang tidak sewajarnya ditulis dan dilukis pada dinding tandas awam. Perbuatan sebegini sewajarnya dihentikan dengan segera kerana ia mencerminkan budaya masyarakat yang kurang pengetahuan mengenai kebersihan.

Pihak berkuasa dan pihak yang bertanggungjawab terhadap kebersihan tandas juga perlu memikirkan sesuatu bagi membanteras budaya pengotor ini agar tidak menjadi satu aktiviti yang kurang sihat. Mereka perlu lebih efektif dalam menangani hal ini dan paling utama, sikap pengguna yang perlu berubah.

Nurul Izzati Idris

Universiti Sains Islam Malaysia